



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 17 MEI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 17 Mei 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **2,784 kes** (429,103 kes kumulatif, 90.4%);
- Kes baharu : **4,446 kes** (474,556 kes kumulatif);
- Kes import : **3 kes** (3 warganegara);
- Kes tempatan : **4,443 kes** [4,230 warganegara (95.2%); 213 bukan warganegara (4.8%)];
- Kes aktif : **43,506 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **522 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **273 kes**;
- Kes kematian : **45 kes** (1,947 kes kumulatif, 0.41%; 44 warganegara, 1 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **1,901 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **14 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,417 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **484 kluster**.

Terdapat **45 kes kematian** pada hari ini dan yang tertinggi direkodkan setakat ini melibatkan **20 kes** di Selangor, masing-masing **empat (4) kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Kelantan, masing-masing **tiga (3) kes** di Kedah, Perak, dan Johor, masing-masing **dua (2) kes** di Negeri Sembilan dan Melaka, serta masing-masing **satu (1) kes** di Pahang, Pulau Pinang, Sarawak, dan Sabah.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 1, 2, 3 dan 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## **SITUASI DAN MAKLUMAT TERKINI MENGENAI MUTASI SPIKE PROTEIN COVID-19 DI MALAYSIA**

Terkini melalui surveilan genomik yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) ke atas sepuluh (10) sampel COVID-19 dari 10 Mei 2021 sehingga 14 Mei 2021 telah mengenalpasti dan mengesahkan kewujudan tujuh (7) lagi kes *Variant of Concern* (VOC):

- **Empat (4) kes tempatan** yang dijangkiti varian South African B.1.351 yang telah dikesan di Wilayah Pesekutuan Kuala Lumpur; dan
- **Tiga (3) kes bukan warganegara** dijangkiti varian Indian B.1.617 (sublineage B.1.617.2).

Sehingga kini, jumlah keseluruhan kes COVID-19 yang dijangkiti oleh varian South African B.1.351 adalah sebanyak 66 kes dan varian Indian B.1.671 (termasuk *sublineage* B.1.617.1 dan B.1.617.2) adalah sebanyak lima (5) kes.

#### **i. Varian South African B.1.351**

Jadual 1: Ringkasan kes-kes COVID-19 dengan varian South African B.1.351

	Kes COVID-19	Saringan	Varian South African B.1.351
Kluster Jalan Lima	57	447	4 kes
Kluster Kebun Baru	1,116	1,585	9 kes
Kluster Teknologi Emas	266	333	3 kes
Kluster Jalan Canning Estate	251	693	10 kes
Kluster Kampung Bunut Sarang Burung	192	332	10 kes
Kluster Kampung Domis	78	315	7 kes
Kluster Bangkahulu	87	1,042	1 kes
Kluster Bayan Cenderawasih	212	1,042	1 kes
Saringan Kontak Rapat	-	-	19 kes ( 3 kes baharu)
Jangkitan COVID-19 selepas divaksinasi	-	-	1 kes
Saringan bergejala	-	-	1 kes baharu
<b>Jumlah</b>			<b>66 kes ( 4 kes baharu)</b>

## ii. **Varian Indian B.1.617.2**

Sebanyak **tiga (3) kes** baharu melibatkan bukan warganegara dengan varian Indian B.1.617.2 telah dikesan di Malaysia. Sebanyak **dua (2)** kes telah dikesan melalui saringan Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) dan **satu (1)** kes dikesan melalui saringan bergejala. Kesemua kes mempunyai sejarah perjalanan ke India. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes varian Indian B.1.671 (termasuk sublineage B.1.617.1 dan B.1.617.2) yang telah dikesan di negara adalah sebanyak lima (5) kes.

KKM ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah melanjutkan tempoh kuarantin wajib selama 14 hari kepada pengembara dari negara-negara dengan penularan VOC dalam komuniti sejak 28 April 2021 dan mengadakan sekatan kemasukan pengembara bukan warganegara dari negara India sejak 7 Mei 2021 berikutan penularan varian VOC yang semakin membimbangkan.

Kementerian Kesihatan Malaysia akan meneruskan pemantapan aktiviti kawalan penyakit berjangkit termasuk surveilan epidemik, ujian saringan COVID-19 yang strategik, melakukan pengesanan kontak dan melakukan langkah-langkah kesihatan awam bagi membendung penularan varian-varian ini di dalam komuniti. Orang ramai dinasihatkan agar terus

berwaspada dan sentiasa mengamalkan nasihat-nasihat yang sering ditekankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

**Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

**Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

17 Mei 2021 @ 5.30 petang.

**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 17 MEI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	1,650	155,313
<b>SABAH</b>	60 (1)	59,409
<b>JOHOR</b>	391 (1)	50,810
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	297	50,105
<b>SARAWAK</b>	433	38,816
<b>PULAU PINANG</b>	159 (1)	23,937
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	243	20,875
<b>KELANTAN</b>	343	19,567
<b>PERAK</b>	203	16,984
<b>KEDAH</b>	236	13,081
<b>MELAKA</b>	80	8,751
<b>PAHANG</b>	139	6,662
<b>TERENGGANU</b>	201	5,785
<b>WP LABUAN</b>	0	2,517
<b>WP PUTRAJAYA</b>	11	1,553
<b>PERLIS</b>	0	391
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>4,446 (3)</b>	<b>474,556</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

## LAMPIRAN 2

Ringkasan 45 kes kematian pada 17 Mei 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1903	Selangor	Lelaki (WN)	61	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi
1904	Selangor	Lelaki (WN)	83	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit jantung
1905	Kelantan	Lelaki (WN)	73	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Penyakit kencing manis
1906	Selangor	Perempuan (WN)	49	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kanser usus
1907	Johor	Lelaki (WN)	39	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Obesiti
1908	Sarawak	Lelaki (WN)	71	Hospital Bintulu	Penyakit darah tinggi dan gout
1909	Kelantan	Perempuan (WN)	76	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Penyakit darah tinggi
1910	Kelantan	Perempuan (WN)	54	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1911	Kelantan	Lelaki (WN)	64	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Penyakit <i>parkinson</i>
1912	Pahang	Lelaki (WN)	68	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
1913	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	64	Hospital Ampang	-
1914	Kedah	Perempuan (WN)	58	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit hati dan buah pinggang kronik



No. Kematian	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1915	Selangor	Perempuan (WN)	62	Hospital Ampang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, strok, dan <i>parkinson</i>
1916	Johor	Lelaki (WN)	70	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1917	Selangor	Lelaki (WN)	62	Hospital Selayang	-
1918	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	46	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, hemofilia, obesiti, dislipidemia, dan buah pinggang kronik
1919	Pulau Pinang	Perempuan (WN)	59	Hospital Pulau Pinang	Penyakit darah tinggi
1920	Melaka	Perempuan (WN)	86	Hospital Melaka	-
1921	Selangor	Perempuan (WN)	83	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1922	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	82	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit darah tinggi
1923	Selangor	Lelaki (WN)	82	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi
1924	Selangor	Perempuan (WN)	62	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, dan obesiti
1925	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	81	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik

No. Kematian	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1926	Selangor	Lelaki (WN)	75	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi dan paru-paru obstruktif kronik
1927	Melaka	Perempuan (WN)	90	Hospital Melaka	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
1928	Selangor	Perempuan (WN)	77	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	<i>Amyloid Angiopathy</i> dan strok
1929	Johor	Perempuan (WN)	81	Hospital Melaka	Penyakit darah tinggi dan dislipidemia
1930	Perak	Lelaki (WN)	89	Hospital Teluk Intan	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung
1931	Selangor	Lelaki (WN)	73	Hospital Ampang	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1932	Selangor	Lelaki (WN)	63	Hospital Serdang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
1933	Selangor	Lelaki (WN)	41	Hospital Ampang	-
1934	Sabah	Perempuan (WN)	36	Hospital Keningau	Penyakit asma dan obesiti
1935	Perak	Perempuan (WN)	78	Hospital Teluk Intan	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan strok
1936	Kedah	Perempuan (WN)	81	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan kanser kulit

No. Kematian	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1937	Kedah	Lelaki (WN)	73	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, dan strok
1938	Selangor	Perempuan (WN)	70	Hospital Selayang	Penyakit kencing manis
1939	Selangor	Perempuan (WN)	90	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, <i>rheumatoid arthritis</i> , dan kanser parotid
1940	Perak	Lelaki (WN)	46	Jenazah dibawa ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	Penyakit darah tinggi
1941	Selangor	Perempuan (WN)	90	Jenazah dibawa ke Hospital Banting	Kanser usus
1942	Selangor	Lelaki (WN)	81	Hospital Serdang	Penyakit darah tinggi
1943	Selangor	Perempuan (WN)	84	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi
1944	Selangor	Lelaki (WN)	72	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, strok, dan jantung
1945	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	74	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Penyakit kencing manis, darah tinggi, strok, buah pinggang kronik, dan jantung
1946	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	54	Jenazah dibawa ke Hospital Jempol	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan dislipidemia
1947	Selangor	Lelaki (BWN)	86	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

### LAMPIRAN 3

Perincian 4,446 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 17 Mei 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
<b>SELANGOR</b>	1,650	126	1,177	-	347
<b>SARAWAK</b>	433	86	288	-	59
<b>JOHOR</b>	391	106	193	1	91
<b>KELANTAN</b>	343	22	239	-	82
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	297	13	180	-	104
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	243	32	137	-	74
<b>KEDAH</b>	236	24	135	-	77
<b>PERAK</b>	203	45	126	-	32
<b>TERENGGANU</b>	201	82	106	-	13
<b>PULAU PINANG</b>	159	11	92	1	55
<b>PAHANG</b>	139	69	51	-	19
<b>MELAKA</b>	80	16	42	-	22
<b>SABAH</b>	60	13	26	1	20
<b>WP PUTRAJAYA</b>	11	-	7	-	4
<b>WP LABUAN</b>	0	-	-	-	-
<b>PERLIS</b>	0	-	-	-	-
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>4,446</b>	<b>645</b>	<b>2,799</b>	<b>3</b>	<b>999</b>

\* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

**LAMPIRAN 4****KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA  
PADA 17 MEI 2021**

<b>No.</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Kategori Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Jumlah Disaring</b>
1	Taman Repek	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	9	33
2	Kampung Kual	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	15	43
3	Kampung Perah	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	22	50
4	Kampung Paya Teh	Komuniti	Pahang	Jerantut	68	243
5	Taman Jati	Komuniti	Pahang	Bera dan Bentong	13	36
6	Jalan Jambusan	Komuniti	Sarawak	Kuching dan Bau	17	50
7	Jalan Imam Jalilul	Komuniti	Sabah	Tawau	11	32
8	Kundang Jaya	Keagamaan	Selangor	Gombak	36	300
9	Parit Kassan Jegol	Keagamaan	Johor	Batu Pahat	22	168
10	Sungai Langgas	Keagamaan	Sabah	Kunak	19	54
11	Jalan Kuak Luar	Keagamaan	Perak dan WP Kuala Lumpur	Hulu Perak dan Cheras	22	61
12	Jalan Jambu Bol	Tempat Kerja	Selangor	Petaling, Kuala Selangor, Klang, dan Hulu Langat	12	43
13	Jalan Kusta	Tempat Kerja	Selangor	Gombak dan Petaling	70	490
14	Dah Serdang	Tempat Kerja	Kedah	Bandar Baharu dan Kulim	16	68